

Menteri Kewangan baru?

10 JUL 2002

Daripada ZAINI HASSAN
dan MARHAINI KAMARUDDIN

BANGKOK 6 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mungkin melantik Menteri Kewangan baru sepenuh masa.

Menjawab soalan pada sesi dialog dengan masyarakat perdagangan Thailand dan Malaysia di sini tengah hari ini, beliau berkata:

“Saya tidak menolak rancangan untuk mempunyai Menteri Kewangan lain, saya juga tidak menolak kemungkinan meninggalkan jawatan itu dan mencari seorang Menteri Kewangan sepenuh masa.

“Tapi saya tidak akan memberitahu saudara siapa yang ada dalam fikiran saya.”

Pada masa ini, Dr. Mahathir turut memegang jawatan Menteri Kewangan sejak peletakan jawatan Tun Daim Zaidin pada 1 Jun tahun lalu.

Tohmahan

Menjawab soalan lain mengenai apakah beliau akan terus bersuara lantang selepas bersara, beliau berkata, peluang itu akan digunakan untuk menjawab tohmahan terhadap dirinya dan negara.

“Mungkin ramai yang berkata saya akan menutup mulut selepas ini. Saya tidak akan menyerah begitu sahaja. Saya lebih gemar bersuara lantang kepada mereka yang berkata buruk kepada saya dan negara saya.

“Itulah salah satu yang saya akan buat selepas bersara, saya tidak pasti sama ada saya boleh kawal lidah saya atau tidak. Semasa menjadi Perdana Menteri saya kena berhati-hati sedikit (apabila bercakap), tapi bila saya berhenti nanti saya boleh hentam siapa saja...dengan bersebablah,” katanya secara seloroh tapi serius sambil diberi tepukan gemuruh.

Perdana Menteri dihormati di sini dan

■ Lihat muka 4

Menteri Kewangan baru?

banyak negara membangun kerana keberaniannya mengkritik secara terbuka pihak Barat dan negara-negara maju yang dianggapnya "tidak mepedulikan kepentingan negara membangun dan miskin."

Atas sikapnya itu, media-media asing yang dikuasai oleh Barat sering membalas "hentaman" itu bagi mempertahankan pihak mereka.

Dr. Mahathir satu-satunya pemimpin Dunia Ketiga yang berani menghentam Amerika Syarikat secara terbuka atas dasar-dasar ketidak keadilan dan pilih kasih negara besar itu serta sikap pemimpin Australia yang pernah menyerangnya secara peribadi.

Apabila ditanya apa yang akan dilakukan lagi selepas persaraannya nanti beliau secara berseloroh berkata: "Tulis satu buku pun tak habis".

Beliau dan rombongan berada di sini sempena lawatan rasminya ke negara ini mulai semalam sehingga esok.

Ditanya mengapa beliau mahu bersara sekarang sedangkan khidmatnya diperlukan, Dr. Mahathir menjawab bahawa bersara semasa beliau masih sihat adalah lebih bermakna dalam erti kata persaraan berbanding jika sudah terlantar sakit.

"Untungnya sebagai ahli politik, saya boleh melanjutkan umur persaraan saya sedangkan kakitangan kerajaan patut bersara pada usia 55 tahun. Saya tidak perlu mengikut syarat itu, saya teruskan juga (sehingga 77 tahun) dan ada sesetengah orang berpendapat saya patut terus berkhidmat sampai mati.

"Tetapi saya rasa orang yang hendak menjadi Perdana Menteri atau Presiden seumur hidup akan kehilangan erti sebenar persaraan dan memiliki lebih banyak masa lapang. Apabila kita bersara semasa masih sihat, kita boleh menikmatinya, tapi bila kita bersara semasa terlantar di atas katil. Itu tidak bermakna lagi, itulah sebabnya mengapa saya memutuskan untuk bersara," katanya.

Berkembang

Tambah Dr. Mahathir, beliau amat berpuas hati dengan tugas yang dilakukan selama ini, dan yang lebih menarik apabila menjadi *worksite inspector* atau inspektor tapak yang turun ke bawah melihat sendiri sesuatu projek pembangunan berjalan.

"Kita melihat sesuatu itu berkembang dan ia memberi stimulasi, jika kita buat sesuatu yang berhasil, ia seperti kesan Viagra," katanya disambut gelak ketawa.

Semasa projek besar negara sedang berjalan seperti — KLIA, KLCC, Putrajaya — Dr. Mahathir turut sendiri, secara kerap, meninjau kemajuannya.

Begitu juga projek pembangunan Pulau Langkawi, beliau pada satu ketika akan meninjau ke projek di pulau itu pada setiap minggu untuk memastikan semuanya berjalan secara teratur dan berkesan.

Oleh itu, nasihatnya lagi: "Selagi boleh bekerja, teruskan pekerjaan dan buat apa yang anda berminat lakukan dan berpuas hati dengannya."

Ditanya apakah penggantinya kelak, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan setangkas beliau, Dr. Mahathir yakin Abdullah mempunyai keupayaan yang sama untuk memimpin negara.

"Bagaimanapun, cara pimpinan Malaysia bukan dilakukan oleh individu, tapi oleh dasar yang ditetapkan. Sejak merdeka lagi kami begitu konsisten daripada Perdana Menteri pertama sehingga sekarang.

"Apabila saya menjadi Perdana Menteri, apa yang saya lakukan ialah menjalankan tugas yang ditetapkan bagi menjayakannya dan saya percaya pengganti saya juga akan melakukan perkara yang sama," jelas beliau.

Soalan yang ditanya selain memuji beliau sebagai seorang pemimpin dan negarawan yang sukar ditandingi ialah untuk mendapatkan pandangan dan tunjuk ajar bagaimana membangunkan rantau ini dan formula beliau memajukan Malaysia.